

20 APR 2000

MAHATHIR-ASM

AMANAH SAHAM UNTUK WARGANEGARA BERUSIA DARI 6 BULAN DILANCAR

KUALA LUMPUR, 20 April -- Amanah saham yang dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berusia dari enam bulan ke atas dilancarkan hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Amanah saham yang dinamakan Amanah Saham Malaysia (ASM) merupakan amanah saham kelima yang diterbitkan oleh Permodalan Nasional Bhd. Ia adalah saham amanah berharga tetap RM1.00 seunit dengan saiz dana sebanyak 2 bilion unit.

Permulaan pelaburan dalam ASM adalah sebanyak RM100 dan had maksima pelaburan adalah RM50,000.

Dr Mahathir yang melancarkan ASM di majlis perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia, di sini, turut menjadi pelabur pertama amanah saham ini.

Di bawah skim ASM, pelabur berdaftar ialah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang melabur bagi pihak sendiri, sementara pelabur Akaun Bijak ialah ibubapa atau penjaga yang melabur untuk kanak-kanak yang berumur enam bulan ke atas.

ASM turut merupakan amanah saham kedua kendalian PNB yang dibuka kepada semua warganegara selain Amanah Saham Wawasan 2020.

Bagaimanapun, berbeza daripada Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) yang menghadkan pelaburan bukan Bumiputera kepada 49 peratus, ASM tidak mempunyai sebarang kuota.

Sementara itu, Pengerusi PNB Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata PNB telah membayar sebanyak RM29 billion dalam bentuk dividen dan bonus kepada pelabur-pelabur dalam amanah saham kendaliannya sejak tahun 1981.

Katanya, sebilangan besar daripada tujuh juta orang pelabur dalam saham-saham amanah yang diuruskan PNB merupakan kakitangan rendah, buruh dan pengkeranian yang seramai 1.8 juta orang.

Ini diikuti dengan golongan petani dan nelayan seramai 737,000 orang, peneroka (612,000) dan anggota tentera dan polis (373,000 orang).

Beliau menambah bahawa bermula dengan jumlah pelaburan yang bernilai RM600 juta pada tahun 1981, saiz dana amanah saham yang diuruskan PNB berkembang kepada RM13 bilion pada 1990, dan kini ianya berjumlah lebih kurang RM30 bilion.

Dalam pada itu, PNB juga telah membuat pelaburan menerusi tabungnyanya sendiri yang berjumlah lebih RM20 bilion.

"PNB akan terus mengamalkan sikap cermat dan berhemah dan ini akan dapat dilihat menerusi pegangan ekutinya di dalam beberapa buah syarikat besar dan berdaya maju di negara ini," katanya.

Selain ASM, PNB mengendalikan Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional 2 (ASN2), ASW 2020 dan berjaya menarik lebih tujuh juta pelabur.

Pelabur terbesar PNB terdiri dari pelabur ASB seramai lima juta orang dengan unit dilanggan sejumlah 26.8 bilion, diikuti skim ASN dengan 1.3 juta pelabur dengan unit dilanggan berjumlah 2.4 bilion.

ASW 2020 pula mempunyai seramai 855,000 pelabur dengan jumlah unit yang dilanggan sebanyak 1.8 juta bilion manakala ASN2 yang dilancarkan tahun lepas mempunyai seramai 21,000 pelabur dengan 255 juta unit saham telah dilanggan.

"Diharapkan dengan keadaan ekonomi yang semakin pulih, maka PNB akan terus berkemampuan untuk mengisytiharkan kadar dividen dan bonus yang lebih menarik," kata Ahmad Sarji. -- BERNAMA

MOT JR

